

**SIARAN AKHBAR**

**21 Ogos 2015**

**EKUINAS BERJAYA LUPUS BURGER KING® MALAYSIA & SINGAPURA  
UNTUK MUKTAMADKAN PROSES PENYUSUNAN SEMULA  
PORTFOLIO F&B**

**Fakta utama: -**

- Ekuinas mengumumkan bahawa ia telah memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio makanan dan minumannya (F&B) selepas berjaya melupuskan pelaburan dalam Burger King Malaysia dan Singapura (Kumpulan BK/Rancak Selera Sdn Bhd) pada nilai RM74.6 juta.
- Pelupusan Rancak Selera kepada Newscape Capital Sdn Bhd (Newscap) telah disempurnakan baru-baru ini berikutan proses jualan yang dilaksanakan bersama dengan BK Asiapac Pte. Ltd. (BKAP). Newscape telah dipilih berdasarkan tawaran harga yang terbaik dan membuktikan syarikat memiliki sumber kewangan serta keupayaan operasi yang diperlukan untuk membawa Kumpulan BK ke peringkat pertumbuhan yang seterusnya.
- Proses ini memuktamadkan sebahagian besar proses penyusunan semula portfolio F&B Ekuinas untuk memberi tumpuan dan juga meluaskan segmen Restoran Makanan dan Minuman Kasual menerusi jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack, Coolblog dan San Francisco Coffee. Kesemua jenama F&B yang bernaung di bawah Integrated Food Group (IFG) ini semakin berkembang maju, dengan perolehan bergabung sebanyak RM338.0 juta dan EBITDA RM36.5 juta yang beroperasi menerusi lebih 400 cawangan di beberapa rantau.

**KUALA LUMPUR, 21 Ogos 2015:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan bahawa ia telah memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio makanan dan minumannya (F&B) selepas berjaya melupuskan pelaburan dalam Burger King Malaysia dan Singapura (Kumpulan BK/Rancak Selera Sdn Bhd (RSB)).

Penjualan RSB oleh Ekuinas kepada Newscape Capital Sdn Bhd (Newscap) telah dimuktamadkan baru-baru ini berikutan proses jualan yang dilaksanakan bersama dengan BK Asiapac Pte. Ltd. (BKAP), iaitu francaisor utama bagi jenama BURGER KING® di rantau Asia Pasifik. Newscape telah dipilih berdasarkan tawaran harga yang terbaik dan membuktikan syarikat memiliki sumber kewangan serta keupayaan operasi yang diperlukan untuk membawa Kumpulan BK ke peringkat pertumbuhan seterusnya.

Newscape adalah syarikat pelaburan yang diketuai oleh Dato' Chua Tia Guan dan Encik Lee Thiam Wah yang berpengalaman luas dalam mengurus dan menjalankan perniagaan kedai runcit rantaian yang mempunyai rangkaian besar di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Pelupusan portfolio restoran BURGER KING® akan membolehkan jenama tersebut berada di bawah rakan kongsi jangka panjang yang mempunyai kewangan yang kukuh dan kepakaran operasi yang diperlukan untuk terus menyokong pertumbuhan jenama ikonik ini."

"Dengan selesainya pelupusan Kumpulan BK ini, Ekuinas turut memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio F&B dengan meninggalkan segmen restoran sajian segera (QSR) untuk memberi tumpuan dan juga meluaskan segmen Restoran Makanan dan Minuman Kasual dengan jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack, Coolblog dan San Francisco Coffee. Kesemua jenama F&B yang bernaung di bawah Integrated Food Group (IFG) ini semakin berkembang maju dengan perolehan bergabung sebanyak RM338.0 juta dan EBITDA sebanyak RM36.5 juta menerusi lebih 400 cawangan di beberapa rantau," tambah Dato' Abdul Rahman.

"Kami gembira dengan komitmen dan usaha Ekuinas dalam memajukan restoran BURGER KING® di Singapura dan Malaysia sepanjang empat tahun lalu dan membawanya ke tahap hari ini," kata David Shear, Presiden, BKAP. "Kami teruja dengan peluang yang bakal diterokai di kedua-dua pasaran dan berharap untuk berganding bahu dengan Newscape untuk terus meluaskan jenama BURGER KING® di Singapura dan Malaysia pada tahun-tahun akan datang."

Ekuinas memperoleh kepentingan ekuiti 95% dalam perniagaan restoran BURGER KING® di Malaysia dan kepentingan ekuiti 100% dalam restoran BURGER KING® di Singapura secara progresif pada 2011 dan 2012.

Pelupusan Kumpulan BK ini menjana hasil kasar sebanyak RM74.6 juta, yang bersamaan Kadar Pulangan Dalaman negatif (IRR) 28.1% dan jumlah pelaburan diterima balik sebanyak 0.45 kali modal yang dilaburkan merentasi dua dana. Namun begitu, walaupun setelah mengambil kira jumlah tersebut, Ekuinas tetap berjaya mencatat prestasi kewangan yang kukuh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dengan pulangan portfolio kasar sebanyak RM677.1 juta

bersamaan IRR kasar 19.6% dan IRR bersih 15.3% setahun. Dengan pelupusan Kumpulan BK ini, jumlah hasil direalisasi daripada aktiviti pelupusan Ekuinas meningkat kepada RM1.0 bilion meliputi lima pelaburan setelah hampir enam tahun beroperasi.

- Tamat -

## **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.

## **Hubungan Media:**

**Adli Abdul Karim**, Weber Shandwick, [AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com) (03) 6209 5222

**Hairuddin Mohd Noh**, Weber Shandwick, [HMohdNoh@webershandwick.com](mailto:HMohdNoh@webershandwick.com) (03) 6209 5241

**Amirah Aziz**, Weber Shandwick, [AAziz@webershandwick.com](mailto:AAziz@webershandwick.com) (03) 6209 5224